



## KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH SABAH 2025

### PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH LAHAD DATU (MSSDLD) TAHUN 2025

#### 1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan-peraturan AM Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah Sabah (MSSS) tahun semasa.

#### 2. JENIS PERTANDINGAN / KATEGORI / JARAK LALUAN\*

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu dan Berpasukan.

2.2 Kumpulan Umur dan Kategori adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI DAN HAD UMUR PESERTA	JARAK LARIAN
1	LELAKI 18 TAHUN KE BAWAH	8 KM
2	LELAKI 15 TAHUN KE BAWAH	6 KM
3	LELAKI 12 TAHUN KE BAWAH (TAHAP 2 SAHAJA)	4 KM
4	PEREMPUAN 18 TAHUN KE BAWAH	6KM
5	PEREMPUAN 15 TAHUN KE BAWAH	6KM
6	PEREMPUAN 12 TAHUN KE BAWAH (TAHAP 2 SAHAJA)	4km

2.3 Dijalankan secara "Cut Off Time"

2.3.1 Kategori 12TKB – **45 Minit** / Kategori 15TKB & 18TKB – **55 Minit**

2.3.3 Peserta yang melebihi / gagal sampai ke garisan penamat pada tempoh tersebut dikira gagal menghabiskan larian (DNF) / No Mark (NM).

#### 3. PENGESAHAN PESERTA-PESERTA / URUTAN KEJOHANAN

##### 3.1 Hari Pertama

3.1.1 Melaporkan diri

3.1.1.1 Hari pertama melapor diri dan sesi **Pengesahan Penyertaan** yang akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pertandingan dengan menunjukkan borang pertandingan dan **Kad Pengenalan (SM) dan Surat Beranak (SK) yang asal**.

3.1.1.2 Borang penyertaan yang lengkap setelah disemak hendaklah dihantar kepada pengelola semasa melaporkan diri dan maklumat trek laluan untuk latihan pengenalan trek.

3.1.2 Pengenalan Trek – Pengurus Pasukan

3.1.2.1 Hari Pertama sebelah petang / mengikut jadual yang ditetapkan oleh pengelola



## KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH SABAH 2025

---

### PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LAHAD DATU 2025

#### 3.1.3 Mesyuarat Pengurus Pasukan

3.1.3.1 Pada sebelah petang hari pertama semasa peserta sedang dalam sesi pengenalan trek.

#### 3.2 Hari Kedua

3.2.1 Pertandingan pada awal pagi (*sila rujuk jadual acara pelepasan peserta*)

3.2.2 Penyampaian hadiah (*setelah semua keputusan telah diproses*)

### 4. PENDAFTARAN PESERTA

4.1 Setiap pelajar yang didaftarkan hendaklah **warganegara Malaysia** dengan **lima (5) peserta** bagi setiap kategori.

4.2 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Setiausaha Agung Majlis Sukan Sekolah Daerah/Negeri masing-masing.

4.3 Peserta-peserta setiap MSS Daerah hendaklah menyertakan **Borang M01 dan R01** yang diisi beserta **gambar, salinan kad pengenalan (SM) atau surat beranak (SR)** yang telah disahkan oleh Pengetua / Guru Besar / Penolong Kanan sekolah peserta berkenaan; dan **surat kebenaran waris** seperti di lampiran B, Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2007.

4.4 Borang penyertaan awal secara *online* yang telah lengkap mestilah dihantar kepada pengelola sebelum atau pada tujuh (7) hari kejohanan.

4.5 Semua peserta **diwajibkan** membawa surat **Pengesahan Kesihatan** yang disahkan oleh Ibu Bapa / Waris / Penjaga.

### 5. PENETAPAN PUNGUTAN MATA BAGI BERPASUKAN

5.1 Daripada lima (5) peserta yang berlari, hanya **pencapaian terbaik empat (4)** orang peserta yang menamatkan larian akan diambilkira untuk menentukan kedudukan pasukan.

5.2 Pasukan yang mendapat agregat terendah akan diisytiharkan sebagai pemenang.

5.3 Jika berlaku seri, penamat yang ketiga terbaik akan diambilkira bagi menentukan pemenang.



## KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH SABAH 2025

---

### PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LAHAD DATU 2025

#### 6. PENENTUAN JUARA KESELURUHAN

- 6.1 Juara keseluruhan merentas desa adalah berdasarkan kepada jumlah agregat yang terendah dikumpulkan daripada enam kategori.
- 6.2 Jika berlaku seri, pasukan yang mendapat bilangan Johan berpasukan yang terbanyak akan dikira sebagai pemenang.
- 6.3 Jika berlaku seri juga, tempat kedua dan berikutnya akan diambil kira sebagai pemenang.

#### 7. HADIAH

##### 7.1 Bagi acara individu

- 7.1.1 Hadiah dan sijil diberikan kepada pemenang tempat pertama hingga ke sepuluh (1 hingga 10) bagi setiap kategori.

##### 7.2 Bagi acara berpasukan (Hadiah & Sijil)

- 7.2.1 Kategori L18TKB : Johan, Naib Johan & Ketiga
- 7.2.2 Kategori L15TKB : Johan, Naib Johan & Ketiga
- 7.2.3 Kategori L12TKB : Johan, Naib Johan & Ketiga
  
- 7.2.4 Kategori P18TKB : Johan, Naib Johan & Ketiga
- 7.2.5 Kategori P15TKB : Johan, Naib Johan & Ketiga
- 7.2.6 Kategori P12TKB : Johan, Naib Johan & Ketiga

- 7.3 Piala akan diberikan kepada kontinjen yang menjadi Johan Keseluruhan.

#### 8. NOMBOR BIB PESERTA

- 8.1 Setiap peserta hendaklah memakai nombor bib pengenalan mengikut saiz yang disediakan dan ditetapkan oleh Pengelola (15cm x 21cm) di bahagian hadapan dan belakang badan dan hendaklah disematkan pin pada keempat-empat sudut kain.
- 8.2 Penetapan bib peserta adalah seperti berikut:



## KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH SABAH 2025

### PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LAHAD DATU 2025



(CONTOH NOMBOR BIB)

KATEGORI WARNA	PASUKAN	L18	P18	L15	P15	L12	P12
		HITAM	BIRUTUA	HIJAUTUA	MERAH	UNGU	OREN
1	KUDAT	A1234					
2	KOTA MARUDU	B					
3	PITAS	C					
4	KOTA BELUD	D					
5	TUARAN	E					
6	RANAU	F					
7	KOTA KINABALU	G					
8	PENAMPANG	H					
9	PAPAR	J					
10	BEAUFORT	K					
11	KUALA PENYU	L					
12	SIPITANG	M					
13	TAMBUNAN	N					
14	KENINGAU	P					
15	TENOM	Q					
16	NABAWAN	R					
17	TAWAU	S					
18	LAHAD DATU	T					
19	SEMPORNA	U					
20	KUNAK	V					
21	SANDAKAN	W					
22	KINABATANGAN	X					
23	BELURAN	Y					
24	TELUPID	Z					

#### 9.0 MELAPORKAN DIRI PESERTA

- 9.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 45 minit sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung.
- 9.2 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor bib mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru / 4 pin di baju lari masing-masing.

#### 10.0 PEMANASAN BADAN

- 10.1 Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang telah ditetapkan.



## KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH SABAH 2025

### PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LAHAD DATU 2025

#### 11.0 PAKAIAN

- 11.1 Peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas serta **DIWAJIBKAN** berkasut sewaktu mengambil bahagian dan; **DIWAJIBKAN** berkasut semasa majlis penyampaian hadiah. Pengurus pasukan bertanggungjawab memastikan atlet berkasut jika keadaan trek merentas desa ada risiko kecederaan.
- 11.2 Pakaian mestilah tidak jarang walaupun ketika basah dan tidak menjolok mata.

#### 12.0 BANTAHAN

- 12.1 Segala bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan mengikut Peraturan 146 KOM dan Peraturan MSSS Sabah.
- 12.2 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta / pasukan tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (*under protest*) dan rujuk **Peraturan Am MSS Sabah**.
- 12.3 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada **lima belas (15) minit** setelah keputusan rasmi diumumkan.
- 12.4 Sebarang bantahan bertulis kepada juri rayuan mesti disertai dengan wang pertaruhan sebanyak **RM300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja)** dan **wang pertaruhan tidak akan dikembalikan**.
- 12.5 Keanggotaan Jawatankuasa Bantahan yang akan bersidang terdiri daripada;
- 12.5.1 Penolong Pengarah/Penyelaras JPNS/SPM
  - 12.5.2 Setiausaha Agung Daerah/PPD Pengelola
  - 12.5.3 Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan/Sekolah
  - 12.5.4 PTPS Merentas Desa MSSS Sabah
  - 12.5.5 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan MSS Daerah yang berdaftar dan tidak terlibat dengan bantahan kes tersebut.



## KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH SABAH 2025

### PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LAHAD DATU 2025

#### 13.0 HAK-HAK JAWATANKUASA

- 13.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Merentas Desa MSS Sabah berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, pengurus-pengurus pasukan akan dimaklumkan.
- 13.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam undang-undang Merentas Desa MSS Sabah terkini, Peraturan-peraturan Am MSS Sabah atau Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Merentas Desa MSS Sabah. **Termasuk TIDAK MEMBENARKAN** Penglibatan Pelajar Warga Asing Dalam Kejohanan Ini.

#### 14.0 HAL-HAL LAIN

- 14.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 14.2 Selain daripada Pegawai-pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIADA SESIAPA PUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**
- 14.3 Jawatankuasa tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda / sebarang kecederaan lain berlaku:
- 14.3.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke venue pertandingan.
  - 14.3.2 Semasa kejohanan dijalankan.
  - 14.3.3 Di dalam dan di luar kawasan venue pertandingan.
  - 14.3.4 Di tempat-tempat penginapan.
  - 14.3.5 Walaubagaimanapun, pihak pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.